MoU/MoA

UMPSA, Grab Malaysia meterai kerjasama sediakan akses pendidikan fleksibel untuk pekerja gig

Fri, 01/12/2024 - 15:17

PEKAN, 11 Januari 2024 – Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) dan Grab Malaysia mengukuhkan kerjasama dengan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) pada hari ini untuk memberi akses pendidikan dan latihan yang mampu meningkatkan kelayakan akademik serta kompetensi golongan pekerja gig.

Kerjasama ini sebagai langkah proaktif UMPSA dalam menyokong dan meningkatkan keupayaan golongan pekerja gig, sejajar dengan evolusi landskap pekerjaan semasa yang semakin berubah dan mencabar.

Majlis menyaksikan pertukaran MoU di antara Naib Canselor UMPSA, Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie Zainuddin dan Pengarah Perhubungan Kerajaan dan Polisi Grab Malaysia, Ebi Azly Abdullah.

Kerjasama strategik ini memberi peluang golongan pekerja yang aktif dalam ekonomi gig mengikuti program latihan dan pembangunan yang disediakan oleh UMPSA melalui kerjasama UMPSA Advanced iaitu merupakan sebuah anak syarikat UMPSA yang berpengalaman luas dalam program pengajian sepanjang hayat dan penyedia latihan yang telah berjaya melahirkan ribuan graduan dan pelatih.



Sebilangan daripada mereka tidak meneruskan pengajian ke institusi pendidikan tinggi disebabkan pelbagai faktor termasuk beban kewangan yang ditampung dan akhirnya mereka memilih laluan pekerjaan gig kerana ia mampu memberikan pulangan baik untuk mereka yang baharu memasuki alam dewasa.

Berdasarkan pemerhatian, ekonomi tidak formal memainkan peranan penting dalam dunia hari ini.

Sama ada kerja sambilan, *freelance* atau melalui platform, ia merupakan jaringan keselamatan yang memanfaatkan orang ramai sebagai sumber pendapatan isi rumah.

Peluang bekerja dan belajar secara fleksibel merupakan salah satu aspek penting dalam membuka peluang pendapatan bagi kumpulan ini.

Peluang ini membuka jalan bagi akreditasi pendidikan yang bermanfaat bagi pekerja gig untuk lebih peluang pekerjaan.

Menurut Profesor Dato’ Ts. Dr. Yuserrie, keperluan untuk peningkatan kemahiran dalam kalangan golongan pekerja gig semakin mendapat penekanan di Malaysia, dan melalui kerjasama ini diharapkan dapat memberi impak yang positif kepada perkembangan ekosistem ekonomi gig dalam negara.



“Justeru, UMPSA dan anak syarikatnya, UMPSA Advanced akan berganding bahu untuk menawarkan kursus yang lebih fleksibel dan latihan berasaskan kompetensi kepada Grab Partners.

“Melalui kursus dan latihan yang bakal ditawarkan, golongan pekerja gig ini akan turut mendapat akses kepada kursus dan latihan yang lebih fleksibel melalui penawaran kursus dan latihan dalam bentuk micro-credentials bersesuaian dengan mereka yang tiada kelapangan waktu untuk mengikuti kursus atau latihan secara konvensional.

“Dengan kelayakan dan kompetensi yang diperoleh, golongan pekerja gig berpeluang mendapatkan pekerjaan yang boleh meningkatkan taraf hidup dan sosioekonomi.

“Ini turut dijangkakan dapat memperkasakan kebolehpasaran mereka dan memberi sokongan kepada pertumbuhan pesat industri gig di Malaysia,” ujarnya.

Tambah beliau lagi, kerjasama yang terjalin antara UMPSA dan Grab dapat membuka peluang jalinan kerjasama syarikat multinasional dan kepakaran universiti tempatan ke peringkat antarabangsa.

“Saya percaya hubungan baik antara universiti dan industri boleh melonjakkan transformasi pendidikan ke arah lebih fleksibel sejajar dengan perubahan zaman, menangani jurang sosioekonomi, membina masyarakat yang lebih berdaya saing, sekaligus menyokong pembangunan negara madani,” ujar beliau.

Sementara itu, bagi Ebi Azly, kerjasama dengan pihak UMPSA dalam memperkenalkan program dan kurikulum akademik yang fleksibel ini memberi peluang kepada rakan-rakan pemandu dan penghantar Grab, mendapatkan akreditasi pendidikan tinggi ke arah peluang kerjaya yang lebih stabil bagi mereka.

“Kerjasama ini merupakan peluang bagi rakan-rakan pemandu dan penghantar Grab di seluruh negara, untuk menyertai pelbagai program latihan dan pembangunan, yang disediakan oleh UMPSA melalui kerjasama dengan anak syarikatnya, UMPSA Advanced,” katanya.

Malahan ini juga merupakan salah satu inisiatif Grab, di bawah program GrabBenefits.

GrabBenefits adalah sebuah program yang bertujuan untuk memelihara kebajikan rakan-rakan pemandu dan penghantar Grab yang diperkenalkan pada tahun 2017, dan sejak pelancarannya, GrabBenefits telah berkembang maju, dalam menyediakan pelbagai faedah kepada rakan-rakan pemandu dan penghantar membabitkan tiga teras utama, iaitu Perlindungan, Simpanan dan Akademi.

Hadir sama dalam majlis, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Ts. Dr. Kamal Zuhairi Zamli, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Profesor Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad Sulaiman dan Penolong Naib Canselor (Pusat Jaringan Industri dan Masyarakat), Profesor Datin Ts. Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim.

Turut hadir Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif UMPSA Advanced Sdn. Bhd., Dr. Ahmad Johari Mohamad dan Pengarah, Pusat Teknologi Industri Termaju, Ts. Dr. Nasrul Hadi Johari.

Disediakan oleh: Nur Ainaa Adhreena Muhamad Shukri, Pusat Komunikasi Korporat

TAGS / KEYWORDS

Grab Malaysia

UMPSA Advanced

MOU

- 265 views

View PDF